

---

**SOROTAN LITERATUR KAJIAN PENENTUAN LIABILITI PEMBEKAL DAN PESAKIT  
DALAM RAWATAN BEKAM DARI PERSPEKTIF SYARIAH DAN UNDANG-UNDANG**

<sup>i</sup> Nurul Izzah Syafiqah Osman, <sup>i</sup> Abd Hamid Abd Murad, <sup>i</sup> Ahmad Syukran Baharuddin

<sup>i</sup> Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia, 71800 Bandar Baru Nilai, Negeri Sembilan

\*(Corresponding Author) e-mail: [hamid@usim.edu.my](mailto:hamid@usim.edu.my)

**ABSTRACT**

The practice of traditional medicine has been in existence since time memorial and also one of the practices which had been practiced by our Prophet (p.b.u.h.). Various writings have been done related to cupping from the religious point of view. Meanwhile, there are various writings on the legal aspects of the treatment of traditional medicine in developed countries such as The United States of America, United Kingdom, and Australia. Still, there is no extensive study on the legal aspects of traditional medicine treatment in Malaysia, especially on cupping from the Syariah and legal perspective. This literature review analyses the critical literature related to the study of determining the provider's liability in cupping treatment. This article used the library method and textual documents. This study found a gap in the determination of liability and the existence of such guidelines will protect the service providers of cupping if any negligence or incidents happen during the cupping treatment. This paper suggests that further research will be done to refine this matter. It is essential to all practitioners and patients receiving cupping therapy, whether in Syariah and legal perspective.

**Keywords:** *Cupping, traditional treatment, Syariah, law, liability*

**ABSTRAK**

Amalan perubatan telah wujud sejak zaman-berzaman termasuklah bekam merupakan salah satu amalan yang telah diamalkan oleh Rasulullah (s.a.w.). Pelbagai penulisan yang telah dijalankan berkaitan bekam dari sudut pandangan agama Islam. Negara-negara maju seperti Amerika Syarikat, United Kingdom dan Australia telah mempunyai pelbagai panduan dari segi aspek perundangan perubatan tradisional. Namun, masih belum ada lagi kajian yang menyeluruh mengenai aspek perundangan Syariah dan sivil bagi rawatan bekam. Sorotan keperustakaan ini merujuk kepada aspek perundangan mengenai amalan bekam dari perspektif Syariah dan undang-undang. Sorotan ini menganalisis literatur-literatur penting berkaitan kajian penentuan liabiliti pembekam dalam rawatan bekam. Sorotan ini telah menggunakan kaedah kajian kepustakaan dan juga dokumentasi. Hasil kajian mendapati terdapat kelompongan dalam penentuan liabiliti dan pewujudan garis panduan tersebut akan melindungi penyedia perkhidmatan bekam sekiranya sebarang kemalangan berlaku. Makalah ini mencadangkan agar kajian lanjutan dilakukan bagi memperhalusi perkara ini. Ia penting agar kepentingan semua pihak, pemberi dan penerima khidmat bekam dapat dijaga, sama ada dari perspektif Syariah dan juga undang-undang.

**Kata kunci:** *Bekam, rawatan tradisional, Syariah, Undang-undang, liabiliti*

## Pendahuluan

Amalan berbekam merupakan Sunnah Nabi s.a.w. sebagaimana yang tertera di dalam hadis:

إِنَّ أَفْضَلَ مَا تَدَاوَيْتُمْ بِهِ الْحِجَامَةَ أَوْ إِنَّ مِنْ أَمْثَلِ دَوَائِكُمْ الْحِجَامَةَ

*Maksudnya: “Sesungguhnya sebaik-baik perubatan yang kalian gunakan adalah berbekam” atau “Sebaik-baik ubat untuk kalian adalah berbekam”.*

*Hadith Riwayat al-Tirmizi, (1199)*

Ianya juga turut diamalkan oleh para sahabat baginda dan generasi-generasi seterusnya. Merujuk kepada Dewan Bahasa dan Pustaka Malaysia (Kamus Pelajar Edisi Kedua)(2017) Bekam adalah suatu proses membuang darah kotor dimana terkandung di dalamnya toksin dan racun yang mendatangkan bahaya dari dalam tubuh badan kita melalui permukaan kulit menggunakan tanduk dan sebagainya. Menurut Md Noor (2016), bekam di dalam bahasa Arab dikenali sebagai Hijamah, manakala di dalam bahasa Inggeris pula ianya dikenali sebagai Cupping. Definisi Bekam menurut Kamus Dewan Edisi Empat (2012) adalah merupakan suatu proses mengeluarkan darah kotor daripada badan seseorang dengan cara menghiris atau membedah sedikit di bahagian kepala atau belakang badan serta menyedut darah kotor tersebut dengan menggunakan tanduk ataupun cawan panas yang ditelangkupkan pada kawasan yang telah dibedah itu.

Umumnya, terdapat pelbagai kajian dan penulisan berkaitan bekam. Antara aspek yang sering disentuh adalah berkaitan dengan amalan bekam, manfaat berbekam, bekam merupakan salah satu medium dalam mencegah penyakit seperti membuang angin, membuang darah kotor, melancarkan peredaran darah dan sebagainya. Namun, terdapat isu yang timbul dimana ketika pesakit mengalami kecederaan ketika menerima rawatan tersebut. Persoalannya, siapakah yang akan dipertanggungjawabkan dalam situasi berikut? Maka, isu-isu yang dinyatakan ini boleh diselesaikan dengan cara penentuan liabiliti tanggungjawab perawat dan pesakit dalam rawatan bekam tersebut.

## Metodologi Kajian

Kajian ini adalah berbentuk kualitatif dengan menerapkan reka bentuk analisis dokumen. Bahan kajian daripada sumber primer dan sekunder seperti rujukan-rujukan sedia ada sama ada majalah, buku, jurnal serta tesis diteliti, dinilai dan dianalisis secara deskriptif bagi melengkapkan metodologi kajian ini. Kajian ini juga akan membuat perbandingan antara pendapat yang berbeza berkaitan kajian yang telah dijalankan serta membuat kesimpulan dan cadangan terhadap maklumat dan hasil kajian yang telah dijalankan.

## Sorotan Kepustakaan

Tinjauan literatur berkaitan tanggungjawab pembekal dan pesakit dalam rawatan bekam ini adalah amat penting dalam kemaslahatan masyarakat yang mengamalkan bekam sebagai salah satu rawatan dalam merawat sesetengah penyakit seperti membuang angin di dalam badan, membuang sisa toksik dan sebagainya

Kajian Othman & et. al., (2017) yang bertajuk *Cupping as Sunnah: The Prevalence and Opinion of the First-Year Diploma in Pharmacy Students'* menyatakan bahawa bekam ini adalah amalan yang digalakkan oleh Nabi Muhammad (s.a.w). Hal ini terbukti berdasarkan pelbagai hadith berkaitan dengan kebaikan bekam. Bekam telah dilaksanakan pada zaman Nabi sehingga kini, semakin ramai orang diseluruh pelusuk dunia berminat untuk mencuba terapi semula jadi atau holistik antara salah satunya adalah cupping atau bekam ini untuk kegunaan merawat mahupun mencegah penyakit. Hasil dari kajian yang telah dijalankan dalam kalangan pelajar menunjukkan sikap positif yang ditonjolkan bagi mengetahui lebih mendalam lagi berkaitan cupping.

Perubatan tradisional dan Komplementari dianggap sebagai "amalan perubatan kuno yang wujud dalam masyarakat manusia sebelum penerapan Sains moden untuk kesihatan" (TCM, 2011). Sehingga sekarang, walaupun kita mempunyai perubatan moden di seluruh dunia tetapi Perubatan Tradisional dan Komplementari ini masih wujud dan sedang diamalkan. Kebergantungan kepada perubatan tradisional dan Komplementari agak tinggi di negara Asia dan Afrika. Untuk menangani isu kesihatan, amalan perubatan tradisional dan Komplementari juga wujud di negara maju seperti Amerika Syarikat, United Kingdom dan Australia (Wier, T., 2005)

Menurut Ernst, tidak banyak perbezaan dalam peraturan etika yang berkaitan dengan perubatan tradisional dan Komplementari berbanding dengan perubatan konvensional. Selanjutnya, Ernst juga mendapati bahawa majoriti peraturan yang dikawal selia dalam perubatan moden juga terpakai untuk perubatan tradisional dan Komplementari. (Ernst, E., et. Al., 2004). Isu seperti "*licensure*, peraturan liabiliti penyelewengan dan peraturan perundangan yang mentadbir disiplin profesional" juga terpakai kepada amalan perubatan tradisional dan Komplementari (Cohen, 1998).

Merujuk kepada beberapa buah buku tradisional dan Komplementari mengenai fiqh, antara perbincangan yang dibincangkan oleh pengulas adalah manfaat kesihatan bekam, amalan etika yang digunakan pada para pengamal dan individu yang menerima rawatan bekam. Dalam bidang fiqh, jika pengamal bekam itu adalah seorang lelaki, maka beliau tidak dibenarkan untuk merawat pesakit perempuan dan begitu juga sebaliknya (Bakharudin, 2020). Lebih-lebih lagi, tidak ada penjelasan dan perbincangan yang telah dibuat berkaitan dengan kesan daripada rawatan bekam seperti rawatan apabila berlaku kecederaan atau jangkitan yang dialami oleh individu yang disebabkan oleh rawatan tersebut. Malahan hasil kajian daripada buku-buku dan para sarjana mendapati tiada ganti rugi yang boleh diberikan kepada pesakit yang mengalami kecederaan atau kemalangan semasa menjalani sesi rawatan bekam.

Sebilangan besar pengamal perubatan tradisional dan Komplementari adalah bukan doktor perubatan (*non-medical Doctor*) di United Kingdom. Oleh itu, keperluan profesional, peraturan dan etika yang terpakai kepada doktor perubatan moden tidak terpakai kepada pengamal ini. Walau bagaimanapun, diharapkan bahawa para pengamal ini mempunyai pemahaman dan pengetahuan yang mendalam bagi Anatomi, fisiologi, patologi dan lain-lain bidang sains perubatan barat (Ernst, 2004). Salah satu kebimbangan mengenai amalan perubatan tradisional dan Komplementari adalah berkaitan dengan pengetahuan perubatan yang boleh disediakan oleh para pengamal ini mengenai risiko kepada individu yang menyerahkan diri mereka kepada rawatan tersebut. Persoalan lain yang perlu diutarakan ialah adakah mereka menyemak semula kajian yang telah mereka jalankan dan ianya mustahil untuk memberikan jawapan yang konklusif untuk menjawab isu-isu yang ditimbulkan.

Berdasarkan masalah yang dibangkitkan di atas, wujudnya keperluan untuk menyediakan beberapa bentuk peraturan bagi mentadbir urus amalan perubatan tradisional dan Komplementari ini. Amalan perubatan tradisional dan Komplementari juga disediakan untuk orang awam di Malaysia. Setakat ini, Kerajaan Malaysia pro-aktif dengan menyediakan satu statut untuk mengawal dan mentadbir aktiviti amalan perubatan tradisional dan Komplementari. Statut yang telah diwartakan dikenali sebagai Akta Perubatan Tradisional dan Komplementari 2016 (Akta 775). Walau bagaimanapun, Akta TCM masih baru diwartakan iaitu pada tahun 2016.

Terdapat beberapa ahli perubatan tradisional dan Komplementari yang merupakan ahli Persatuan tertentu bagi rawatan tradisional dan Komplementari. Walau bagaimanapun, Persatuan ini tidak mempunyai kuasa perundangan dan tidak dikawal secara langsung oleh agensi kerajaan yang berkaitan. Kawal selia sendiri adalah satu amalan yang baik dan ia adalah untuk memastikan standard amalan tersebut di tahap tinggi, seragam, mengenalpasti pengamal yang kompeten dan yang paling penting ahli di dalam persatuan pengamal perubatan tradisional dan komplementari itu mendaftarkan dirinya secara sukarela dan bukannya secara paksaan daripada mana-mana bentuk persatuan yang lain.

Jika dilihat pelaksanaan pendaftaran secara sukarela di bawah mana-mana persatuan untuk pengamal perubatan tradisional dan komplementari akan menimbulkan masalah kepada individu yang telah menjalani rawatan sedemikian. Soalan utama adalah sekiranya individu tersebut mengalami kecederaan semasa proses rawatan di mana pesakit tersebut hendak membuat aduan? Apakah kaedah rawatan yang tersedia bagi pesakit-pesakit yang berada di dalam situasi yang dinyatakan? Adakah persatuan pengamal perubatan tradisional dan komplementari ada menyediakan peraturan dan undang-undang untuk mengawal selia dan mengatur anggotanya dalam situasi berikut?

Menurut kajian yang dijalankan oleh Ismail (2018) yang bertajuk “Asas Tanggungan Pengamal Perubatan Dalam Undang-undang Islam Menurut Fuqaha” menyatakan bahawa ada baiknya tanggungjawab seorang doktor mahupun pengamal perubatan tradisional dibentuk atau diwujudkan melalui tanggungjawab kontrak bagi mewujudkan suatu ikatan perjanjian dan rasa tanggungjawab terhadap pesakit yang menerima rawatan tersebut. Justeru itu, hal ini juga dapat menjaga kepentingan pesakit dan kepentingan umum di samping memelihara hak dan kewajipan doktor mahupun pengamal perubatan tradisional.

Artikel bertajuk “Kecuaian Perubatan Menurut Undang-undang Tort dan Autoriti Mengenainya dari Sudut Syariah” yang dikaji oleh Ismail (2011) mengkaji berkaitan prinsip kecuaiian perubatan dan lanjutan liabiliti pengamal perubatan. Merujuk kepada penulisan beliau ada menyatakan bahawa terdapat titik persamaan antara amalan perundangan dalam bidang perubatan ini dengan prinsip Islam berikutan kecuaiian perubatan. Secara ringkasnya, terdapat banyak persamaan dari segi prinsip kecuaiian perubatan menurut Islam dengan amalan perundangan perubatan berdasarkan undang-undang Tort. Justeru itu, amatlah penting dan patut kita sedari bahawa para doktor perlu mematuhi peraturan-peraturan dan etika yang telah ditetapkan. Selagi peraturan dan etika itu dipatuhi maka selagi itulah reputasi mereka di sisi agama tidak terjejas.

Menurut kajian yang dilakukan oleh Lestari & et. al., (2019) dalam artikelnya yang bertajuk “Kepatuhan Praktisi Terapi Tradisional Bekam Terhadap Standar Prosedur Operasional” ada menyatakan bahawa nilai purata yang patuh dengan Standar Prosedue Operasional (SOP) di Jakarta iaitu dalam lingkungan 82%.

Hasil tinjauan literatur yang telah dilakukan mendapati bahawa sorotan literatur terdahulu tidak ada yang mengkaji ataupun menyentuh bab berkaitan dengan tanggungjawab pengamal dan pesakit yang menerima rawatan bekam ini jika berlakunya kecederaan mahupun implikasi buruk semasa rawatan sedang dijalankan. Sorotan literatur terdahulu kebanyakannya menyentuh berkaitan definisi bekam, manfaat kesihatan bekam, amalan etika ketika menerima rawatan sebagaimana dinyatakan berikut:

Jadual 1: Sorotan Literatur Kajian Penentuan Tanggungjawab Pembekal dan Pesakit dalam Rawatan Bekam dari Perspektif Syariah dan Undang-Undang.

Bil.	Penulis	Perbincangan/ Hasil Kajian
1.	Othman & et. Al.,(2017)	Manfaat Bekam adalah amalan yang digalakkan oleh Nabi Muhammad s.a.w. Hal ini terbukti berdasarkan pelbagai hadith berkaitan dengan kebaikan bekam dan sebagainya. Akan tetapi, laporan yang dilakukan oleh pendapat pelajar Sains Kesihatan ke arah bekam amatlah kurang.
2.	Ministetr of Health, Malaysia. (2011)	Perubatan tradisional dan Komplementari dianggap sebagai "amalan perubatan kuno yang wujud dalam masyarakat manusia sebelum penerapan Sains moden untuk kesihatan.
3.	Weir, M. (2005),	Kebergantungan kepada Perubatan Tradisional dan Komplementari agak tinggi di negara Asia dan Afrika. Salah satu faktor yang mungkin bagi peratusan yang tinggi bergantung kepada Perubatan Tradisional dan Komplementari boleh menjadi satu-satunya bentuk penyembuhan yang ada. Untuk menangani isu kesihatan, amalan perubatan tradisional dan Komplementari juga wujud di negara maju seperti Amerika
4.	Ernst, E. et.al, (2004)	Tidak banyak perbezaan dalam peraturan etika yang berkaitan dengan perubatan tradisional dan Komplementari berbanding dengan perubatan konvensional.
		Majoriti peraturan yang dikawal selia dalam perubatan moden juga terpakai untuk perubatan tradisional dan Komplementari.
		Di United Kingdom, sebilangan besar pengamal perubatan tradisional dan Komplementari adalah bukan doktor perubatan ( <i>medical Doctor</i> ).Jadinya, keperluan profesional, peraturan dan peraturan yang terpakai kepada doktor perubatan moden tidak terpakai kepada pengamal ini.diharapkan para pengamal ini mempunyai pemahaman dan pengetahuan yang mendalam bagi "Anatomi, fisiologi, patologi dan lain-lain bidang sains perubatan barat". Para pengamal perlu mempunyai pemahaman dan pengetahuan yang mendalam bagi "Anatomi, fisiologi, patologi dan lain-lain bidang sains perubatan barat"
5.	Ismail et. al.,(2018),	Perlu ada tanggungjawab seorang doktor mahupun pengamal Perubatan Tradisional dibentuk atau diwujudkan melalui tanggungjawab kontrak bagi mewujudkan suatu ikatan perjanjian dan rasa tanggungjawab terhadap pesakit yang menerima rawatan tersebut.
6.	Ismail (2011)	Penelitian merujuk kepada prinsip kecuaiian perubatan dan lanjutan liabiliti pengamal perubatan. Terdapat banyak persamaan dari segi prinsip kecuaiian perubatan menurut Islam dengan amalan perundangan perubatan berdasarkan undang-undang Tort.
7.	Lestari & et. al.,(2019)	Terdapat 82 peratus nilai purata yang patuh dengan Standar Prosedue Operasional (SOP) di Jakarta iaitu dalam lingkungan 82%

Berdasarkan Jadual 1 di atas, kajian lepas lebih khusus membincangkan tentang definisi bekam, manfaat kesihatan bekam, amalan etika ketika menerima rawatan dan lain-lain. Penulis mendapati bahawa kajian khusus yang menyentuh tentang kaedah penentuan tanggungjawab pengamal bekam dan pesakit dalam rawatan bekam, masih kurang dikaji dan didapati. Justeru kajian yang memfokuskan kepada kaedah penentuan tanggungjawab pengamal bekam dan pesakit dalam rawatan bekam adalah wajar dijalankan oleh pihak yang berwajib dan para pengkaji.

## **Kesimpulan**

Kajian sorotan literatur berkaitan kaedah penentuan tanggungjawab pembekal dan pesakit dalam rawatan bekam dilihat amat penting kerana ia boleh membantu dalam menyelesaikan isu-isu yang berkaitan dengan kecuaiian ketika rawatan sedang dijalankan. Ia juga merupakan elemen yang sangat penting bagi memastikan pembekal dan pesakit dijamin keselamatannya ketika menjalani rawatan. Kajian ini juga menunjukkan bahawa keperluan kajian yang terperinci ini boleh dijadikan sebagai panduan dan rujukan kepada persatuan-persatuan pengamal Tradisional dan Komplementari di Malaysia. Keperluan bagi mewujudkan sebuah kaedah penentuan tanggungjawab pembekal dan pesakit dalam rawatan bekam juga menjadi titik tolak kepada keadilan pihak-pihak. Kewujudan penentuan tanggungjawab ini secara tidak langsung dapat mewujudkan lagi keyakinan pesakit dalam menjalani rawatan-rawatan tradisional contohnya adalah seperti rawatan bekam itu sendiri berdasarkan perkembangan semasa dan setempat.

## **Rujukan**

- A handbook of Traditional and Complementary Medicine Programme in Malaysia, Traditional and Complementary Medicine Division, Ministry of Health, Malaysia.
- Abdul Basir Mohamad & Nurbazla Ismail (2018). Asas Tanggungan Pengamal Perubatan Dalam Undang-Undang Islam Menurut Fuqaha. *Journal of Contemporary Islamic Law*, Vol. 3(1).
- Cohen M.H. (2003), *Future Medicine: Ethical Dilemmas, Regulatory Challenges, and Therapeutic Pathways to Health and Healing in Human Transformation*. Ann Arbor, MI: University of Michigan Press.
- Cohen, M.H. (1998), *Complementary and Alternative Medicine: Legal Boundaries and Regulatory Perspectives*. Baltimore, MD; Johns Hopkins University Press.
- Cohen, M.H. (2003), *Future: Ethical Dilemmas, Regulatory Challenges, and Therapeutic Pathways to Health and Healing in Human Transformation*, Ann Arbor, MI: University of Michigan Press.
- Ernst, E. & Cohen, M.H. (2001), *Informed Consent in Complementary and Alternative Medicine*. *Arch Intern Med*; Vol. 161, pp 2288-2292
- Ernst, E. & White, A.R. (2000), *The BBC Survey of Complementary Medicine use in the UK*, *Complement Ther Med*, Vol. 8, pp 32-36
- Ernst, E. et.al, (2004) *Ethical Problems Arising in Evidence Based Complementary and Alternative Medicine*, *J Med Ethics*, Vol. 30, pp 156-159
- Medical Act, 1971 (Act 50)
- Nursyuhadah Othman & et. Al.,(2017). *Cupping as Sunnah: The Prevalence and Opinion of the First-Year Diploma in Pharmacy Students*. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, Vol.7, No.8.
- Pusat Rujukan Persuratan Melayu @ DBP. *Kamus Dewan Edisi Empat Dewan Bahasa dan Pustaka*. Diterbitkan pada 26 November 2012.
- Siti Zubaidah Ismail (2011). *Kecuaiian Perubatan Menurut Undang-undang Tort dan Autoriti Mengenainya dari Sudut Syariah*. *Jurnal Syariah*, Jil. 19, Bil. 2
- Stone J, & Matthews, J. (1996), *Complementary Medicine and The Law*. Oxford: Oxford University Press.
- Traditional and Complementary Medicine Act 2013 (Act 756)*
- Tri Wahyuni Lestari & et. Al.,(2019), *Kepatuhan Praktisi Terapi Tradisional Bekam Terhadap Standar Prosedur Operasional*, Vol.13, No.2
- Weir, M. (2005), *Complementary and Alternative Medicine-Legal Issues*, *The National Legal Eagle*, Vol.11, Issue 1, pp 8-11
- WHO, (2001), *Legal Status of Traditional Medicine and Complementary / Alternative Medicine: A Worldwide Review*.